

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN:

Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah sijil halal yang diterima oleh syarikat milik orang Islam dengan syarikat milik bukan Islam serta sebab-sebab mengapa syarikat milik bukan Islam itu lebih berjaya mendapat sijil halal.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan orang ramai untuk mendapatkan makanan dan minuman halal. Walaupun pensijilan halal Malaysia yang dijalankan ketika ini adalah bersifat sukarela dan terbuka kepada semua pemohon tanpa mengira status agama mahupun

bangsa, hanya pemohon yang memenuhi syarat dan mematuhi segala prosedur yang ditetapkan sahaja layak untuk diberikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM). Pemohon yang layak akan diberikan SPHM dan kebenaran menggunakan logo halal pada produk dan perkhidmatan yang dinyatakan dalam SPHM.

Sehingga 30 April 2016, sebanyak 5,689 syarikat yang memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Sebanyak, 2,285 atau 40 % daripada jumlah tersebut adalah syarikat milik bumiputera, manakala 3,404 atau 60 % terdiri daripada syarikat bukan bumiputera. Angka ini telah menunjukkan peningkatan berbanding jumlahnya sebelum ini. Di mana pada tahun 2015, 4,841 syarikat yang memperoleh Pensijilan Halal Malaysia, hanya 34 % daripada jumlah tersebut terdiri daripada syarikat Bumiputera. Faktor ini adalah disebabkan penguasaan syarikat bumiputera dalam sektor pembuatan adalah lebih rendah berbanding pengusaha bukan bumiputera.

Pensijilan halal Malaysia yang dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negerti/Jabatan Agama Islam Negeri (MAIN/ JAIN) adalah mengikut prosedur, standard dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa. Setiap keputusan sama ada sesebuah syarikat layak atau tidak layak mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) perlulah mengikut proses kerja yang ditetapkan iaitu proses penilaian dokumentasi, pemeriksaan menyeluruh di lapangan, penyediaan laporan dan pembentangan kepada Panel Pengesahan Halal. Melalui penelitian dan penilaian yang mendalam serta menyeluruh, maka

ia dapat memberikan jaminan bahawa hanya setiap syarikat/ pemohon yang layak sahaja berhak mendapat SPHM.

Secara umumnya antara faktor-faktor kegagalan dalam mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia adalah seperti berikut:-

- i. kurang kefahaman di pihak pemohon berkaitan prosedur permohonan Pensijilan Halal Malaysia, Standard Malaysia yang berkaitan, syarat-syarat dan keperluan pensijilan;
- ii. pemohon membuat permohonan tanpa persediaan dan perancangan yang teratur; dan
- iii. tiada komitmen oleh pemohon untuk mengambil tindakan pembetulan (*corrective action*) terhadap notis ketidakakuran yang telah dikeluarkan semasa pemeriksaan dijalankan.

Sekian, terima kasih.